

06/12/1999

BN kaji prestasi pilihan raya

Hassan Omar

JITRA, Ahad - Barisan Nasional (BN) sedang membuat penilaian prestasi parti itu pada pilihan raya umum lalu dengan harapan untuk merampas kembali semua kerusi yang ia tewas, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kita akan kaji sebab menang dan sebab yang membawa kekalahan kepada calon BN," kata Perdana Menteri pada majlis jamuan kesyukuran bersama pekerja jentera BN Kubang Pasu, di sini hari ini.

Beliau berharap dengan adanya penilaian itu, BN dapat menyusun langkah bagi menghadapi pilihan raya akan datang.

"Kita berharap dapat tebus kembali tempat-tempat yang kita kalah dan di tempat yang menang, harap dapat tambah majoriti pada pilihan raya ke-11 nanti," katanya.

Dalam pilihan raya Isnin lalu, Dr Mahathir menewaskan calon Pas, Subky Latif, bagi mempertahankan kerusi Kubang Pasu.

Turut hadir pada majlis itu Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng; calon BN yang memenangi kerusi negeri Tunjang, Barishah Saad; Prof Datuk Othman Ishak (Jitra) dan wakil peribadi Perdana Menteri di Kubang Pasu, Tan Sri Osman Aroff.

Perdana Menteri berkata, Umno juga akan membuat kajian bagi melakukan perubahan untuk memastikan ia kekal sebagai wadah perjuangan bangsa Melayu berikutan wujud aliran pengundi Melayu yang memihak kepada calon pembangkang.

Katanya, kajian itu sejajar dengan bedah siasat menyeluruh yang akan dilaksanakan Umno bagi mengenal pasti kelonggaran, sekali gus merangka perubahan yang diperlukan.

Dr Mahathir berkata demikian ketika mengulas kenyataan Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak, pada 30 November lalu yang meminta Umno melakukan perubahan di semua peringkat, termasuk akar umbi bagi mengembalikan keyakinan rakyat terhadap parti.

Najib dilaporkan berkata, aliran pengundi Melayu yang memihak kepada calon pembangkang adalah amaran kepada Umno yang perlu membetulkan kesilapan serta mencerminkan diri sebelum menuding jari kepada orang lain mengenai kekalahannya.

Selain Najib, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar juga dilaporkan berkata, Umno dan Melayu akan hancur jika orang Melayu, terutama generasi muda menganggap Pas sebagai parti alternatif kepada Umno.

Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman pula dilaporkan berkata, Umno Johor perlu mengatur langkah bagi menghadapi pelbagai cabaran, termasuk mengelak perpecahan di kalangan orang Melayu sebagai persiapan pilihan raya akan datang.

Mengenai hasrat kerajaan baru Pas di Terengganu yang mahu berbincang dengan Kerajaan Pusat untuk meminta tambahan royalti minyak, Dr Mahathir berkata, itu hak mereka (kerajaan Terengganu) untuk meminta.

"Kita kena kaji dulu permintaan itu. Sekarang, tiada Kerajaan Persekutuan kerana kabinet belum dibentuk. Saya tiada hak bercakap mengenai perkara itu," katanya.

Dalam manifesto Pas bagi negeri Terengganu pada pilihan raya umum ke-10, ia menyatakan untuk meminta tambahan 15 peratus daripada Kerajaan Pusat jika membentuk kerajaan negeri.

Kerajaan Terengganu ketika ini diberi royalti minyak sebanyak lima peratus.

Sementara itu, Dr Mahathir turut mengucapkan terima kasih kepada pekerja

BN Kubang Pasu yang bertungkus-lumus membantu kemenangan calon BN sepanjang tempoh berkempen dan ketika hari pengundian dalam pilihan raya, Isnin lalu.

"Kerja yang dilakukan oleh pekerja BN, perayu undi adalah untuk menentukan kita mencapai kejayaan. Saya amat terhutang budi kepada mereka yang terbabit," katanya.

Dr Mahathir turut meminta Osman yang tidak bertanding kali ini meneruskan tugasnya sebagai wakil peribadi beliau di Kubang Pasu.

(END)